

Kita sedia bantu siasat punca kematian dua pekerja Thai - PM

UM - 4 APR 1990

ALUR SETAR 3 April - Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia bersedia memberi kerjasama kepada Thailand untuk menyiasat punca kematian secara tiba-tiba dua pekerja negara itu di Malaysia baru-baru ini.

"Kerajaan sedang menyiasat perkara itu dan akan memberi kerjasama penuh kepada Thailand," katanya.

Beliau berkata, doktor-doktor dari negara ini juga bersedia menolong rakan-rakan sejawatan mereka dari Thailand bagi mengesan punca kematian mereka.

"Kalau kita tahu puncanya, kita akan mengambil langkah untuk mencegahnya," tambah beliau.

Pasukan khas Kementerian Kesihatan Awam Thai, yang ditubuhkan untuk menyiasat beratus-ratus kes kematian secara misteri

pekerja Thai di negara asing, berada di Kedah semalam dan pada hari Ahad, untuk menyiasat kedua-dua kes kematian pekerja Thai itu, yang dilaporkan di Daerah Padang Terap pada Februari lepas.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi ini.

Perdana Menteri dan Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pulang ke sini petang semalam untuk menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Putat, dalam Daerah Kubang Pasu malam tadi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau mengetahui mengenai kematian misteri itu melalui laporan-laporan akhbar.

Beliau menyifatkan kematian-kematian itu sebagai sangat pelik

kerana mereka yang mati semuanya masih muda dan dikatakan sihat sebelum mereka meninggal dunia semasa tidur.

Perdana Menteri berkata, beliau juga ada mendengar kematian yang seumpama itu melibatkan rakyat Filipina di luar negara.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Dato' Sri Haji Osman Aroff berkata, kerajaan negeri tidak ada menerima aduan mengenai layanan buruk yang diterima oleh pekerja Thai, daripada majikan mereka di negara ini.

"Kerana tiada aduan, saya menganggap keadaan mereka adalah baik. Sekiranya mereka dilayan dengan buruk, kita mempunyai undang-undang buruh yang seragam. Mereka yang memberi layanan buruk boleh di-

LIHAT MUKA 2

KITA SEDIA BANTU SIASAT KEMATIAN

kenakan tindakan," katanya.

Setiausaha Kementerian Kesihatan Awam Thai, Encik Ong-ard Klampaiboon yang meninjau keadaan pekerja Thai di Padang Terap semalam menyifatkan keadaan rumah kongsi yang didiami oleh mereka di situ, lebih baik keadaannya daripada yang

didiami oleh rakan-rakan mereka di Singapura.

Sementara itu Kementerian Kesihatan Awam Thailand mengadakan pemeriksaan ke atas 142 buruh ladang tebu Thai di Naka, Padang Terap dekat sini, yang dipercayai mengidap penyakit kekurangan zat makanan.

Sementara itu, seorang wartawan Thailand memberitahu, tempat kediaman buruh-buruh Thai di sini lebih baik berbanding dengan Singapura.

Beliau yang baru pulang dari melawat kediaman buruh-buruh Thai di Singapura menjelaskan tempat kediaman mereka di sana (Singapura) lebih teruk lagi.